

No. Rujukan : 100-BPD (JPSM 20/1)
Tarikh : 27 Ogos 2020

SENARAI SEPERTI EDARAN

Semua Rektor Kampus Cawangan
Semua Dekan Fakulti/Pusat Akademik
Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg Datuk/Datin/Prof/Dr/Tuan/Puan

PELAKSANAAN SARINGAN HARIAN COVID-19 MELALUI SISTEM SARINGC19 UiTM

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan e-mel dalam siri yang sama bertarikh 11 Jun 2020 berkaitan.

2. Seperti yang pihak YBhg Datuk/Datin/Prof/Dr/Tuan/Puan sedia maklum, Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 09/2020 pada 8 April 2020 telah membuat keputusan secara dasarnya meluluskan pelaksanaan saringan kontak COVID-19 kepada semua staf UiTM yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat kategori staf dalam rantai wabak COVID-19 seperti yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam mengurangkan risiko jangkitan di kalangan staf.
3. Walau bagaimanapun, Laporan Harian SaringC19 pada tarikh 27 Ogos 2020 mendapati hanya 41.42% atau 7,936 daripada 19,160 orang staf sahaja yang mengisi Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19.
4. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan dimohon untuk memantau dan memastikan staf di PTJ masing-masing mengisi Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 melalui sistem SaringC19 di pautan <https://saringc19.uitm.edu.my> selaras dengan Pekeliling Naib Canselor Bilangan 17 Tahun 2020 – Pelaksanaan Pengoperasian Universiti Teknologi MARA Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).
5. Bersama-sama ini disertakan pautan capaian ke Sistem Pelaporan SaringC19 untuk tindakan YBhg Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan untuk tujuan pemantauan ke atas staf di PTJ masing-masing yang boleh dicapai melalui pautan <https://c19.uitm.edu.my>. Akses kepada sistem ini juga telah diberikan kepada ketua pentadbiran PTJ dan staf yang berkaitan sebelum ini.

Laman web : <http://pendaftar.uitm.edu.my>




6. Sekiranya terdapat sebarang permasalahan/pertanyaan berkaitan SaringC19 dan Sistem Pelaporan ini, pihak YBhg Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan boleh mengemukakan aduan/pertanyaan melalui pautan <https://units.uitm.edu.my> (Kategori –Aplikasi Survey COVID-19 Staf).

Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



ALEINA BAKAR, K.M.N
Ketua Timbalan Pendaftar Kanan

s.k Ketua Pusat Kesihatan